

ISU-ISU MUTAKHIR DALAM PERKEMBANGAN SENI PERTUNJUKAN DI ASEAN MASA KINI

A.S. Hardy Shafii
Universiti Sains Malaysia (USM)

PENGENALAN

Dalam membicarakan perkembangan terkini yang dihadapi dan sedang dipraktikkan di rantau ASEAN¹, beberapa perspektif boleh dilihat apabila membicarakan atau meninjau tentang isu-isu mutakhir di dalam seni pertunjukan. Seni pertunjukan sememangnya sudah sebatu dengan pengaruh luaran seperti sosio-ekonomi dan juga politik sesebuah negara, di rantau yang berdekatan atau di kawasan yang mempunyai hubungan yang rapat. Namun, pada masa yang sama kedudukan atau sifat yang statik di dalam senario seni itu sendiri telah membentuk satu ruang tepu di mana tiada kondisi yang kontroversial atau yang unik berlaku di sesebuah negara. Dalam menganalisis dan membicarakan isu-isu mutakhir yang telah memberikan pengaruh di dalam senario seni pertunjukan dapat dilihat dari sudut pendidikan, penyelidikan, bentuk persembahan, tema, pentadbiran, kelestarian dan juga anjakan paradigma dalam menentukan hala tuju seni pertunjukan pada masa akan datang.

Menjurus kepada aspek akademik khususnya di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran, beberapa institusi pengajian tinggi telah mula mempraktikkan dan mengusulkan program Praktis Berasaskan Penyelidikan atau '*Practice Based Research*' (PBR) bagi peringkat sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Practice-Based Research is an original investigation undertaken in order to gain new knowledge partly by means of practice and the outcomes of the practice. In a doctoral thesis, claims of originality and contribution to knowledge may be demonstrated through creative outcomes in the form of designs, music, digital media, performances and exhibitions. Whilst the significance and context of the claims are described in words, a full understanding can only be obtained with direct reference to the outcomes

(Linda Candy, 2006)

Program ini telah bermula pada tahun 1984 apabila University of Wollongong dan University Technology of Sydney (UTS) telah menawarkan Ijazah Kedoktoran bagi pengajian Penulisan Kreatif (*Creative Writing*) dan Graeme Harper adalah orang pertama yang telah bergraduasi dengan PhD melalui program ini dan sehingga kini mempromosi program '*Practice Based Research*' di United Kingdom. Sebenarnya, program ini adalah sesuai untuk program yang mempunyai sifat penyelidikan yang berasaskan unsur-unsur praktikal di mana hasil daripada eksperimentasi dan kajian yang telah dilakukan suatu produk atau kaedah baharu telah berjaya dicipta atau direka untuk ilmu pengetahuan atau teknologi yang terkini. Oleh yang demikian, program ini tidak terbatas kepada bidang sastera gunaan sahaja malah di dalam bidang sains dan teknologi juga. Produk atau karya baharu tersebut akan dinilai bersama dengan tesis yang menyokong aplikasi dan memberi penerangan tentang proses dan kaedah bagi penghasilan karya baharu tersebut. Program seperti ini merupakan pilihan terbaik kepada bakal pelajar yang merasakan bahawa kaedah sebegini lebih sesuai dengan sifat dan kekuatan atau kelebihan yang ada pada mereka dalam membuktikan kajian atau eksperimentasi yang bakal dihasilkan. Justeru itu, pelajar yang tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran praktikal yang tinggi dalam sesuatu bidang, tidak akan mampu atau sesuai untuk mengikuti program sebegini dan selalunya akan dinasihatkan untuk mengikuti program Mod Penyelidikan, Kerja Kursus atau program Mod Campuran ('*Mixed-Mode*'). Tanggapan yang

¹ ASEAN atau *Association of Southeast Asian Nations* telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok, Thailand dan sehingga kini keanggotaannya adalah sebanyak 10 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Thailand, Brunei Darussalam, Myanmar, Cambodia, Laos dan Vietnam serta 2 buah negara pemerhati iaitu Papua New Guinea dan Timor Leste. Tujuan utama penubuhan adalah untuk mempertingkatkan ekonomi serta menjamin keselamatan dan keharmonian di rantau ini.

mengandaikan program ini lebih mudah lulus juga tidak benar kerana hanya pelajar yang mempunyai kriteria di atas tadi sahaja yang mampu dan sesuai untuk mengikuti program sebegini. Tambahan pula, program ini mempunyai dua bahagian yang mesti dinilai dan wajib lulus iaitu penilaian tesis dan juga produk/karya tersebut. Jika gagal di antara satu, pelajar tidak akan berijazah dan harus memperbaiki tesis atau produk tersebut untuk dinilai bagi kali kedua.

Amnya, penawaran kursus sebegini telah lama dipraktikkan di negara-negara Barat berdasarkan sifat penyelidikan dan keperluan evaluasi bagi produk atau hasil yang telah disiapkan berdasarkan kajian dan metodologi yang telah dirancang dan dijadikan model untuk penghasilan yang baru dan kreatif. Dalam beberapa kes, terdapat produk yang menerima pengiktirafan antarabangsa melalui pertandingan atau diangkat untuk dikomersilkan dalam pasaran global. Di kebanyakan negara ASEAN fenomena ini telah dijalankan ke atas beberapa kursus di peringkat ijazah Sarjana Muda atau B.A. atau BFA tetapi tidak secara rasmi dalam pengajian peringkat sarjana dan Kedoktoran. Metodologi seperti ini telah dijalankan dan pelajar telah bergraduasi tetapi tidak di atas dasar atau platform program Praktis Berasaskan Penyelidikan atau PBR ini. Tesis masih menjadi ukuran akhir terhadap kajian yang telah dijalankan dan tiada evaluasi diberikan terhadap produk atau karya seni yang dihasilkan di samping penulisan ilmiah (tesis) tersebut.

Namun, sehingga kini tidak banyak institusi pengajian tinggi di Asean mahupun Asia yang menawarkan program sebegini sedangkan sifat kebanyakan kajian Sastera Gunaan mengaplikasikan dan memerlukan pendekatan dan evaluasi sebegini. Di Malaysia, contohnya Pusat Pengajian Seni di Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengusulkan program ini untuk ditawarkan dan menunggu perakuan daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk mengiktiraf program ini di peringkat sarjana dan Kedoktoran. Sehingga kini, tiada institusi pengajian tinggi di Malaysia yang menawarkan program ini. Terdapat beberapa perkara yang membantutkan penawaran program sebegini di institusi pengajian tinggi mereka. Perkara utama adalah kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran atau berkelayakan di dalam metodologi program ini. Isu-isu seperti kelayakan pensyarah yang bukan berlatarbelakangkan program seperti ini untuk menyelia, bilangan penyelia luar atau '*external examiner*' yang layak untuk menilai produk atau karya tersebut, pecahan peratusan untuk produk/karya tersebut dan tesis, jumlah patah perkataan bagi tesis sarjana dan Kedoktoran dan mekanisme untuk pemantauan program sebegini. Jika dianalisis beberapa program di universiti-universiti yang telah lama menawarkan program PBR ini, setiap Pusat Pengajian atau Fakulti tersebut menawarkan kursus tertentu serta mempunyai penilaian, peratusan, penilai, jumlah perkataan dan mekanisme yang berbeza. Adalah penting di sini untuk memikirkan akan keperluan dan kepentingan penawaran program ini berdasarkan tenaga pengajar dan kepakaran yang ada, prasarana dan fasiliti yang diperlukan serta mekanisme yang bersesuaian untuk menyediakan program yang relevan dengan '*practitioners*' yang sinonim dengan eksperimentasi dan bersifat praktikal.

Perkembangan teknologi dan globalisasi telah menjadikan dunia semakin kecil dan segala informasi begitu cepat tersebar tidak kira sama ada yang benar atau tidak. Anjakan paradigma pemikiran tentang sesebuah pembaharuan juga telah dialu-alukan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Begitu juga di dalam industri pendidikan, di mana tidak hairan akan wujud penggabungan fakulti-fakulti atau pusat-pusat pengajian di universiti. Beberapa kursus yang bersifat '*hybrid*' atau mempunyai kaitan berkemungkinan akan diserapkan di dalam kursus pengajaran di sesebuah fakulti atau pusat pengajian. Pensyarah juga akan berpeluang untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalamannya di fakulti atau pusat pengajian yang lain berdasarkan kaitan yang wujud di antara bidang yang berbeza itu. Fenomena ini akan memberikan ruang perkongsiaan ilmu di antara bidang sastera dan sains yang seharusnya tidak dipisahkan, baik bagi pensyarah mahupun para pelajar. Mobilisasi pensyarah dari satu jurusan ke jurusan yang lain mungkin akan menjadi satu fenomena yang ketara dan digabungkan di dalam satu pusat pengajian yang lebih besar.

Penyelidikan juga sudah mula mensasar ke arah konsep '*hybrid*' atau gabungan di antara sastera dan sains, terapi seni atau '*art therapy*' dan penulisan dan rujukan yang beralih ke arah penulisan dan idea masyarakat tempatan atau yang lebih dikenali sebagai '*local knowledge*'. Sebagai contoh, kajian di Universiti Sains Malaysia ke atas kanak-kanak yang menghidap penyakit '*cerebral palsy*'. Gabungan saintis dan akademik seni telah mendapati perkembangan fizikal yang berlaku ke

atas pesakit di mana melalui alatan gamelan dan bunyi telah mendorong semangat dan azam mereka untuk memegang pemukul bonang, gong, gambang, dan saron dengan lebih baik.

Bentuk penulisan ilmiah yang bercirikan sastera yang saya panggil ‘Akastera’ (akademik-sastera) atau ‘Academiture’ (academic-literature) diharapkan akan diterima sebagai satu bentuk penulisan ilmiah yang bukan sahaja mengandungi fakta, foto dan data yang lengkap tetapi menggabungkan kreativiti penulisan fiksyen agar menjadi rujukan yang relevan, menarik dan boleh difahami oleh masyarakat umum khususnya oleh golongan generasi muda.

Che Mat menggeleng-gelengkan kepala. Aku tambah bingung. Mata Che Mat memandang tepat ke arah bebola mataku. “ Bangsal Main Puteri mesti menghadap Timur atau arah matahari naik. Selatan, utara, barat dan timur serta arus sungai Kelantan yang hulu dan hilir kena tau. Baru boleh bina bangsal. Kita orang beradat. Mana boleh pasang ikut suka hati...

(A.S.Hardy Shafii, 2013¹)

Bentuk penulisan begini memang wujud di dalam penulisan cerpen dan novel, namun gaya penulisan kreatif yang menggabungkan fakta, imaginasi, konflik dengan garapan data akademik diharapkan dapat diterima sebagai satu bentuk penulisan akademik yang dapat menarik minat ramai pembaca di pelbagai lapisan masyarakat terutama di kalangan generasi muda. Adalah diharapkan gaya penulisan begini juga diterima sebagai salah satu wadah ilmu yang bukan sahaja mudah difahami malah dapat menarik minat pembaca terhadap bentuk kesenian yang kebanyakannya digarap dalam bentuk yang sarat dengan penulisan akademik. Pengiktirafan akademik terhadap penulisan begini juga harus diambilkira tanpa memperlekehkan gaya penulisan sebegini kerana pada hakikatnya bentuk penulisan sebegini mampu menarik minat lebih ramai pembaca daripada terlalu padat dengan ‘jargon-jargon’, teori dan gaya penulisan yang terlalu akademik,

Bentuk persembahan ‘*reality show*’ dan teknologi canggih dalam persembahan menggunakan teknologi ‘*live streaming*’ bagi diskusi dan persembahan langsung yang menggabungkan beberapa institusi atau negara dalam waktu dan masa yang sama juga merupakan satu alternatif yang dapat mendekatkan lagi pendedahan dalam bentuk persembahan secara langsung dan informasi yang pantas dalam perkongsian ilmu di rantau ini. Pada tahun 2010, sebuah persembahan teater secara langsung daripada Universiti Keio, Jepun telah disaksikan oleh para pensyarah dan pelajar seni pertunjukan di Universiti Chulalongkorn, Thailand dan Pusat Pengajian Seni di Malaysia pada masa yang sama. Pada akhir persembahan, satu diskusi telah dijalankan bagi segmen soal-jawab di antara ketiga-tiga universiti ini. Walaupun kestabilan dan kecanggihan teknologi di kalangan negara ASEAN adalah berbeza, namun dalam masa yang terdekat, masalah ini mungkin bukan menjadi satu faktor masalah teknikal yang kritikal.

Persembahan eksperimentasi terkini sudah menampakkan kecenderungan untuk menggabungkan bentuk persembahan tradisional dengan teks kontemporari atau popular malah memilih naskhah dari negara barat yang sudah dianggap klasik atau lebih relevan dengan penonton di sana. Menurut Willliam Sun dari China (September, 2013), bentuk persembahan Beijing Opera China pernah mempersembahkan teks “*Hedda Gabler*” hasil nukilan Henrik Ibsen dan yang terkini, “*Miss Julie*” karya August Strindberg telah dipilih untuk memberikan nafas baru bukan sahaja terhadap kelestarian persembahan Beijing Opera tetapi juga sekaligus mengangkat teks “*Miss Julie*” bagi tatapan pembacaan karya klasik Barat di kalangan generasi muda². Gabungan ini bukanlah satu fenomena yang baru tetapi merupakan satu formula yang menarik kerana memberikan manfaat dan menaikkan martabat teks klasik dan bentuk persembahan tradisional yang sukar difahami atau kurang mendapat pendedahan. Persembahan dari negara Korea melalui arahan Nam Geungho³ dari Korea National University of Arts (K’ Arts) pada 7 September lalu di Vietnam, di mana pelajar-pelajar

¹ Penulisan berbentuk Akastera ini masih belum diterbitkan.

² Beijing Opera telah mementaskan karya klasik “*Miss Julie*” pada 6 September 2013 di Ho Chi Minh City, Vietnam sempena dengan 1st International Theatre Festival, Asia-Pacific Bureau UNESCO Theatre School Directors, 5-10 September 2013. Teks “*Hedda Gabler*” merupakan teks klasik Barat pertama yang telah diadaptasi bagi persembahan Beijing Opera.

³ Nam Geungho merupakan seorang Profesor di dalam Bahagian Drama yang mengajar teknik lakonan, Mime serta pengarahan teater.

drama telah mementaskan drama Chekhov berjudul 'Three Sisters' melalui formasi gerakan, gestura dan bunyian yang dihasilkan menggunakan anggota tubuh sahaja. Persembahan yang berlangsung selama 20 minit ini memberikan nafas baru dalam mengekspresikan luahan rasa tiga beradik ini berdasarkan teks klasik tersebut. Jelasnya, walaupun persembahan teater tradisional harus dikekalkan dalam bentuk asalnya, namun dalam konteks persembahan antarabangsa, formula sebegini boleh memberikan pemahaman dan pendedahan terhadap bentuk persembahan tradisional melalui teks yang amat dekat di hati penonton tempatan.

Adalah amat penting untuk kita sedar akan kepentingan industri kreatif sebagai mewakili satu bahagian penting ekonomi baru yang berpotensi untuk menjana pendapatan tinggi serta merencanakan ekonomi sesebuah negara dengan lebih dinamik. Fenomena ini telah berlaku di negara-negara maju di mana data telah menunjukkan bahawa industri kreatif merupakan salah satu sumber penting dalam pertumbuhan ekonomi negara-negara maju. Industri kreatif misalnya telah menyumbangkan sebanyak USD\$3 trilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara Amerika Syarikat (KPKK, 2008), 112.5 bilion Pound Sterling bagi ekonomi United Kingdom (DCMS Creative Industries Mapping Document, 2001). Peluang pekerjaan juga semakin meluas di mana statistik guna tenaga di negara maju seperti United Kingdom adalah 4.5%, Hong Kong 5.3%, Amerika Syarikat 5.9%, Taiwan 3.6%, Australia 3.8% dan Singapura 3.4% (Baseline Study on Hong Kong Creative Industries, 2003). Malaysia melalui Kajian Asas Industri Kreatif oleh MDEC (2008) telah menunjukkan bahawa Industri Kreatif menyumbang sebanyak 5.8% kepada KDNK yang mewakili 1.0 peratus daripada eksport negara dan 7.5% peluang pekerjaan¹. Menurut Zaharul Lailiddin Saidon (2013), peluang pekerjaan dalam industri kreatif Malaysia telah mendaftarkan pertumbuhan sebanyak 10.7%, lebih tiga kali pertumbuhan pengajian kebangsaan iaitu 3.3%. Data ini mendedahkan bahawa industri kreatif menyaksikan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 11.1%, melampaui kadar pertumbuhan negara sebanyak 6.6%.

Dalam menganalisis pertumbuhan ekonomi dan perkembangan industri kreatif secara global, adalah menjadi tanda tanya tentang apakah agenda, polisi dan mekanisme yang bakal diambil bagi persediaan untuk gelombang industri kreatif ini. Sudah cukup bersediakah kita untuk mengambil inisiatif tertentu agar tenaga sumber manusia yang bakal digilap mampu mendukung tanggungjawab dan menonjolkan kualiti yang tinggi dan teknologi yang semakin canggih nanti dapat dikawal dan digunakan secara maksimum bagi kesejahteraan dan penggunaan sejagat. Pemilihan pegawai-pegawai kerajaan di dalam bidang kebudayaan seharusnya memberi kelebihan kepada mereka yang berlatarbelakangkan bidang seni persembahan dan mempunyai minat yang mendalam serta memahami situasi yang berlaku di dalam sesebuah produksi. Pegawai kebudayaan agak berbeza dinamik pekerjaannya kerana fleksibiliti masa bekerja adalah tidak sama dengan kategori pegawai lain yang masuk kerja pagi dan balik pada waktu petang.

Apa yang pasti, daya saing yang tinggi bukan lagi satu optional malah akan menjadi satu keperluan dalam memastikan industri kreatif berkembang dengan positif sejajar dengan kehendak budaya serta seni yang didokong oleh masyarakat sesebuah negara. Kepekaan terhadap kepesatan perubahan teknologi, budaya dan profesionalisme kerja yang berbeza berlandaskan budaya, agama dan adat serta 'soft skills' yang tinggi merupakan ciri-ciri yang sudah patut ditanam bagi mereka yang mahu berkecimpung di dalam bidang ini.

KESIMPULAN

Seni pertunjukan sebenarnya adalah wadah budaya yang dinamik dan harus peka dengan perkembangan zaman. Bidang penyelidikan, akademik, penerbitan, bentuk persembahan, pengurusan, teknologi dan pemikiran positif terhadap anjakan paradigma dalam melihat skop seni merupakan kategori yang cukup menyerlah di dalam senario seni pertunjukan di negara Asia Tenggara mahupun Asia. Pendokong dan peminat seni harus bersama memahami dan merealisasikan perubahan-perubahan ini kerana jika kita terlalu leka atau merasakan apa yang sedang dipraktikkan

¹ Kerajaan Malaysia telah mengumumkan tahun 2009 sebagai tahun Kreatif dan Inovatif dan pada 23 Oktober 2009, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM200 juta untuk Dana Industri Kreatif bagi membiayai aktiviti seperti pengeluaran filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan bagi melonjakkan pembangunan Industri Kreatif Negara.

selama ini sebagai terbaik, maka kita akan ketinggalan dan menjadi tidak relevan terhadap perkembangan zaman dan apa yang ingin ditonton dan dianalisis oleh peminat seni.

BIBLIOGRAFI

- Central Policy Unit (2003). Baseline Study on Hong Kong Creative Industries, 2003. Retrieved May 15, 2013. <http://www.cpu.gov.hk/en/home/index.html>
- DCMS (2001). Creative Industries Mapping Document 1998. Retrieved May 18, 2013. <webarchive.nationalarchives.gov.uk/+http://www.culture.gov.uk/reference_library/publications/4632.aspx>
- Geertz, Clifford (1973). *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Books.
- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), (2010). *Dasar Industri Kreatif Negara*, Kuala Lumpur: KPKK.
- Schechner, Richard. *Performance Theory*. New York: Routledge, 1988.
- Zaharul Lailiddin Saidon. "Status Terkini Industri Kreatif Negara: Peluang dan Cabaran", Kertas Kerja Seminar Hala Tuju Sekolah Seni Malaysia, 29-30 Mei 2013, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Practice-Based Research

- Bolt, B.(2006). *A Non Standard Deviation: Handlability, Praxical Knowledge and PracticeLed Research, Speculation and Innovation: applying practice led research in the creative industries.*, Queensland University of Technology. Accessed: 1/09/06. Available: <http://www.speculation2005.net>
- Frayling, C. et al (1997).(eds.) *Practice- based Doctorates in the Creative and Performing Arts and Design*. N.p. [UK]: UK Councilfor Graduate Education. Arts and Humanities Research Board (2000). Guide to the Research Grant Scheme. <http://www.ahrb.ac.uk/research/grant/guide.htm> [accessed July 2000]
- Harris. M. (1996).(ed.) *Review of Postgraduate Education*. N.p.[UK]: Higher Education Funding Council for England. http://www.niss.ac.uk/education/hefce/pub96/m14_96.html
- Hockey J. (2003). *Practice-Based Research Degree Students in Art and Design: Identity and Adaptation*. *Journal of Art & Design Education* February 2003, vol. 22, no. 1, pp. 82- 91(10) The University of Gloucestershire, UK. Publisher: Blackwell Publishing on behalf of the National Society for Education in Art and Design.
- Biggs, M. (2003). *The Role of "the Work" in Research*. PARIP, University of Bristol, UK. Accessed: 5/09/06. Available: <http://www.bris.ac.uk/parip/biggs.htm>
- Gray, C. & Malins, J. (2004). *Visualizing Research: A Guide to the Research Process in Art and Design*, Ashgate, Aldershot.
- Reilly, L. 2002, *An Alternative Model of 'Knowledge' for the Arts'*, *Working Papers in Art and Design*, vol. 2. <http://www.herts.ac.uk/artdes1/research/papers/wpades/vol2/reillyfull.html>
- Hannula, M. (2005) (ed) *Artistic Research. Theories, Methods, and Practices*, ISBN 951-53-2743-1 purchase at http://goart.gu.se/kf_publ/kf_publ.htm
- Pakes, A., 2004, *'Art as Action or Art as Object? The Embodiment of Knowledge in Practice as Research'*, *Working Papers in Art and Design*, vol. 3. Available: <http://www.herts.ac.uk/artdes1/research/papers/wpades/vol3/apfull.html>
- Scrivener, S. & Chapman, P.,(2004). *The Practical Implications of Applying a Theory of Practice Based Research: A Case Study*, *Working Papers in Art and Design*, vol. 3. Available: <http://www.herts.ac.uk/artdes1/research/papers/wpades/vol3/ssfull.html>
- Scrivener, S.(2002). *The Art Object Does Not Embody a Form of Knowledge*, *Working Papers in Art and Design*, <http://www.herts.ac.uk/artdes1/research/papers/wpades/vol2/scrivenerfull.html>
- Sullivan, G. (2005). *Art Practice as Research: Inquiry in the Visual Arts*, Sage, California.